



# KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD

( Didaftarkan Tahun 1923 )

(KOPERASI KREDIT KAKITANGAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN GLC MALAYSIA)

No. Rujukan : KOSWIP/KREDIT/012025(MEMO KELUAR)

Tarikh : 16 Januari 2025

Kepada

Semua Anggota  
Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad

Tuan/Puan,

## PERKARA: KEPERLUAN SALINAN PENYATA GAJI CETAKAN QR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa bermula Januari 2025, pihak ANGKASA telah menetapkan keperluan baharu berkaitan dokumen sokongan untuk urusan pemotongan gaji dan transaksi lain yang melibatkan koperasi. Mulai tarikh tersebut, semua penyata gaji yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang dikemukakan oleh anggota koperasi wajib mengandungi cetakan QR Kod yang memaparkan maklumat gaji secara terperinci.

Keperluan ini adalah selaras dengan usaha memperkukuhkan ketepatan dan keselamatan data, serta memudahkan proses pengesahan maklumat pendapatan anggota. Oleh itu, semua anggota koperasi diminta memastikan:

- i) Slip gaji yang diserahkan kepada pihak KOSWIP bermula Januari 2025 (payslip Disember 2024) mengandungi QR Kod yang sah dan telah disahkan oleh majikan masing-masing.
- ii) Slip gaji ini boleh dimuat turun di dalam e-penyata gaji dan bahagian "**Penyata Untuk Pinjaman**".

Sebarang pertanyaan atau bantuan berkenaan pelaksanaan ini boleh dirujuk kepada unit sumber manusia majikan masing-masing atau terus kepada pihak koperasi.

Kami menghargai kerjasama semua anggota koperasi dalam memastikan pematuhan keperluan ini. Keprihatinan dan sokongan anda amat penting untuk kelancaran urusan kita bersama.

Sekian, terima kasih.

## "KOSWIP TRANSFORMASI BERINOVASI"

Saya yang menjalankan tugas,

  
AZLAN BIN ALIAS  
Setiausaha

b.p Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad

**LOKASI JABAT:**  
Blok A-01-01 dan A-01-02, Pantai Business Centre, Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur.  
Telefon : (603) - 2201 0009 Faksimili : (603) - 2201 4989 / (603) - 2201 3312  
Email : [webmaster@koswip.org.my](mailto:webmaster@koswip.org.my) / [koswip@gmail.com](mailto:koswip@gmail.com) / [koswip2@gmail.com](mailto:koswip2@gmail.com) Laman Web : [www.koswip.org.my](http://www.koswip.org.my)  
Facebook : Koperasi Koswip Malaysia Berhad

### CAWANGAN:

A-01-U08, Jalan P8D, 62250 Presint 8, Putrajaya.  
Telefon : (603) - 8888 4011 Faksimili : (603) - 8888 4022 Email : [koswip3@gmail.com](mailto:koswip3@gmail.com)